# Utusan Malaysia - Cukai Pendapatan Pemandu Uber, GrabCar

Sabtu, Apr 01 2017



## Cukai pendapatan pemandu Uber, GrabCar

UM 1/4.

**KUALA LUMPUR 31 Mac** - Cukai pendapatan bagi pemandu pengangkutan awam alternatif Uber dan GrabCar hanya dikenakan bagi perolehan bersih selepas menjalankan perkhidmatan tersebut serta sumber lain seperti gaji bulanan daripada pekerjaan tetap.

Ketua Pegawai Eksekutif

Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Datuk Sabin Samitah berkata, pemandu Uber dan GrabCar juga boleh menuntut perbelanjaan seperti kos minyak, tol, kos promosi, kos penyelenggaraan kenderaan dan bayaran yuran daripada kedua-dua syarikat pengendali aplikasi itu dalam kiraan pendapatan bersih hasil aktiviti yang dijalankan.



SABIN SAMITAH

Menurutnya, selain itu, semua individu yang menjalankan aktiviti perniagaan sampingan supaya mendaftarkan fail cukai pendapatan dengan LHDN serta mengisytiharkan cukai pendapatan tahunan dalam Borang Pendapatan Perniagaan Individu Bermastautin (Borang B) selewat-lewatnya 30 Jun, setiap tahun .

"Mereka hendaklah menyimpan semua dokumen perniagaan bagi tempoh tujuh tahun untuk tujuan audit percukaian pada masa hadapan. Tanggungjawab melaporkan pendapa-

tan bukan bermakna individu tersebut secara automatik layak membayar cukai.

"Kelayakan dikenakan cukai masih tertakluk kepada jumlah pendapatan melebihi RM30,000," katanya di sini, hari ini.




Undian

BISNES | AGENSI | WARGA

## Perkhidmatan MOF

- Perkhidmatan Atas Talian
- Aplikasi Mudah Alih
- Laman Mikro
- e-Penyertaan & Maklumbalas
- Statistik & Prestasi
- Pautan
- Agensi

## Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

03-8000 8000
03-88823893 / 03-88823894
pro[at]treasury[dot]gov[dot]my



**© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**
Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.
Kemaskini terakhir: 22 Januari 2020 | Jumlah Pelawat: 27637216